

Pas jadi alat jatuhkan kerajaan Islam

19 SEP 1960

(P)

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan hubungan DAP dan Pas dengan akhbar-akhbar asing yang menyokong parti-parti perkauman dan cauvinis di negara ini.

Perdana Menteri berkata anehnya akhbar-akhbar ini jugalah yang mengancam hebat golongan cauvinis dan perkauman di negara-negara perkauman.

"Atau mungkin DAP dan Pas dianggap sebagai alat untuk menghancurkan negara ini, yang menjadi satu-satunya negara yang orang Islam berkuasa dan demokratik serta stabil?" katanya.

Berucap di perhimpunan agung ke-37 Umno di sini, Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan kembali usaha beberapa majalah dan akhbar yang dikuasai oleh Zionis menyiarkan dakwah musuh Umno sejurus sebelum pilihanraya lalu.

Propaganda itu begitu hebat sehingga akhbar-akhbar itu sendiri percaya bahawa apa yang diperkatakan oleh mereka itu benar dan Umno akan kalah teruk dalam pilihanraya itu, katanya.

Perdana Menteri, yang juga Presiden Umno, turut menyelar tindakan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, meminta supaya langkah-

langkah diambil bagi mencegah polarisasi kaum.

"Aneh sekali seruan ini datang daripadanya sedangkan DAP-lah yang menentang segala usaha perpaduan."

Beliau menyifatkan DAP sebagai parti anti-Melayu yang tebal yang menggunakan isu-isu yang boleh membangkitkan kebencian orang-orang Cina terhadap orang Melayu sebagai asas kepopularannya.

"Selepas membakar hati orang Cina terhadap orang Melayu dan menolak kerjasama antara kaum anjuran Barisan Nasional, Kit Siang kononnya mahu polarisasi kaum dikurangkan," katanya.

Wakil

Datuk Seri Dr Mahathir juga mempersoalkan sama ada perwakilan DAP dalam Dewan Rakyat mencerminkan kedudukan kaum-kaum di Malaysia.

"Siapakah wakil Melayu DAP di Parlimen? Tanpa seorang pun wakil rakyat DAP daripada orang Melayu, apakah bagi DAP tidak ada orang Melayu di Malaysia ini," katanya.

Beliau berkata jika DAP hendak bercakap mengenai perkauman, lebih baik ia tumpukan kepada parti Pas yang tebal perkauman Melayunya.